

**K**EMPEN berterusan bagi memperingkatkan kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar memerlukan sokongan kerajaan, swasta, NGO dan individu demi mencapai pembangunan lestari.

Dasar Alam Sekitar Negara merupakan satu strategi kerajaan untuk memulihara, menjaga dan mengurus alam sekitar dalam konteks pembangunan lestari sejajar dengan matlamat Wawasan 2020.

Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan sumber alam semulajadi dan sumber asli yang menjadi asas kepada pertumbuhan negara. Malaysia yang kini sedang menuju ke arah mencapai status negara maju, menghendaki tanah terus produktif dan subur; kaya dengan pelbagai sumber alam; udara yang sentiasa bersih, selamat dan cerah; serta air yang bersih dan tidak tercemar.

Penggunaan sumber ini secara mapan perlu dilaksanakan bagi mencapai matlamat pembangunan lestari untuk memastikan alam sekitar tetap produktif dan seimbang dari segi ekologi dan ekonomi. Oleh itu, satu Perhimpunan Umum Bangsa-Bangsa Bersatu telah menubuhkan suatu Suruhanjaya Sedunia mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (1983) bagi merangka "agenda sedunia untuk perubahan."

Suruhanjaya itu meminta semua negara, sama ada secara bergabung atau secara individu, mengintegrasikan pembangunan berterusan sebagai matlamat dan menerapkan prinsip berikut bagi memandu pilihan polisi iaitu menggalakkan semula pertumbuhan, menukar kualiti pertumbuhan, memulihara dan meningkatkan sumber asas, penentuan takat penduduk yang dapat ditampung, penyelesaian teknologi dan pengurusan risiko, kesepaduan alam sekitar dan ekonomi apabila membuat keputusan, menyusun semula hubungan ekonomi antarabangsa dan mengukuhkan kerjasama antarabangsa.

Sehubungan itu, pada Oktober 2002, kerajaan Malaysia memperkenalkan Dasar Alam Sekitar Negara bertujuan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial, dan budaya serta peningkatan

kualiti hidup rakyat menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.

Dasar ini memberi panduan kepada agensi kerajaan persekutuan dan negeri, sektor industri, masyarakat tempatan dan lain-lain *stakeholder* memastikan alam sekitar negara bersih, sihat dan produktif.

Justeru, dalam melaksanakan dasar ini pelbagai strategi digubal untuk memastikan usaha yang diambil oleh semua pihak yang terlibat dibuat secara bersepadu bagi mencapai matlamat pembangunan lestari dengan cara yang paling optimum dan berkesan.

Kesimpulannya, Dasar Alam Sekitar Negara adalah dasar yang penting kepada Malaysia untuk mencapai sebuah negara maju dalam menuju Wawasan 2020.

# Dasar Alam Sekitar Malaysia Usaha Bersepadu Semua Pihak

Oleh DR. MUSTAFA DAKIAN & LAILATUL INSYIRAH MUSTAFA

Dasar ini bertujuan mencapai: Alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan; pemuliharaan kebudayaan yang unik, pelbagai dan warisan semulajadi dengan penyertaan berkesan semua sektor masyarakat; serta gaya hidup, pola pengeluaran dan penggunaan yang lestari.

Ini merupakan dasar yang perlu diterapkan kepada rakyat Malaysia seiring dengan matlamat Wawasan 2020 agar masyarakat terus dapat menikmati alam sekitar yang bersih dan terpelihara daripada pelbagai ancaman pencemaran yang berlaku seperti pencemaran udara, air dan sebagainya.

Dasar Alam Sekitar Negara berlandaskan kepada lapan prinsip yang mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi dengan kepentingan

alam sekitar. Antara prinsip yang saling berkaitan dan saling menyokong adalah seperti:

**1. Pengawasan Alam Sekitar** – menghormati dan berprihatin terhadap alam sekitar mengikut standard moral dan etika yang tertinggi.

**2. Pemuliharaan ketahanan dan kepelbagaian alam** – memulihara ekosistem semulajadi untuk memastikan keutuhan kepelbagaian biologi dan sistem-sistem sokongan hidup.

**3. Peningkatan berterusan kualiti alam sekitar** – memastikan peningkatan berterusan dalam produktiviti dan kualiti alam sekitar ketika mengejar objektif pertumbuhan ekonomi dan pembangunan manusia.

**4. Penggunaan lestari sumber asli** – menguruskan penggunaan sumber asli untuk mengekalkan asas sumber dan

keutuhan alam sekitar.

**5. Membuat keputusan bersepadu** – mengintegrasikan dimensi alam sekitar ke dalam perancangan dan pelaksanaan dasar, objektif dan mandat semua sektor.

**6. Peranan sektor swasta** – memperkukuhkan peranan sektor swasta dalam perlindungan dan pengurusan alam sekitar.

**7. Komitmen dan keberterangjawab** – memastikan semua pembuat keputusan di sektor awam dan swasta, pengguna sumber, pertubuhan bukan kerajaan dan orang awam mempunyai komitmen tertinggi terhadap perlindungan dan keberterangjawab ke atas alam sekitar ketika membentuk, merancang dan melaksanakan aktiviti masing-masing.

**8. Penyertaan aktif antara-bangsa** – menyertai secara aktif dan berkesan dalam usaha serantau dan sejagat ke arah pemuliharaan dan pembaikan alam sekitar.

Lapan prinsip ini akan memantapkan lagi Dasar Alam Sekitar Negara untuk mencapai matlamat pembangunan lestari pada masa kini dan masa hadapan. Prinsip ini secara tidak langsung dapat mengawal pencemaran alam sekitar yang perlu diberi komitmen oleh semua pihak dalam konteks pembangunan lestari yang bertunggakkkan ekonomi, sosial dan perlindungan alam sekitar.

Dasar Alam Sekitar Negara bertujuan untuk mengintegrasikan pertimbangan alam sekitar ke dalam aktiviti pembangunan dan proses membuat keputusan, memupuk pertumbuhan ekonomi serta kemajuan manusia jangka panjang, sekaligus melindungi dan memperbaiki alam sekitar. Ia melengkapi dan menambah dimensi alam sekitar yang terkandung dalam dasar kebangsaan yang lain, seperti dasar perhutanan dan perindustrian, dan juga mengambil perhatian konvensyen antarabangsa mengenai kepentingan sejagat.

Namun begitu, satu strategi berpendekatan meluas akan dipakai bagi menggalakkan kesejahteraan alam sekitar menerusi penyelidikan dan pembangunan, keberkesanan ekonomi, keadilan sosial, kewajipan dan keberterangjawab. Selain itu, dasar ini juga bertujuan membentuk asas yang kukuh

untuk menyokong pelaksanaan dan perkembangan selanjutnya, melibatkan semua sektor masyarakat termasuk kerajaan, perniagaan dan industri, cendekiawan, pertubuhan rakyat, masyarakat dan keluarga.

Sehubungan itu, Strategi Hijau Malaysia akan menumpu ke arah bidang-bidang: Pendidikan dan kesedaran, pengurusan berkesan sumber asli dan alam sekitar, perancangan bersepadu pembangunan dan pelaksanaan yang bersepadu, pencegahan dan kawalan pencemaran dan kemerosotan, pengukuhan mekanisme pentadbiran dan keinstytusian, pendekatan proaktif terhadap isu alam sekitar serantau dan sejagat; dan pembentukan dan pelaksanaan pelan-pelan tindakan.

## Pendidikan dan kesedaran yang mendalam dan lebih baik tentang konsep kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari dapat membentuk sikap keprihatinan terhadap alam sekitar.

### Pendidikan dan Kesedaran

Pendidikan dan kesedaran yang mendalam dan lebih baik tentang konsep kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari dapat membentuk sikap prihatin terhadap alam sekitar. Namun begitu, pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara menyeluruh dengan penggabungan penyebaran maklumat serta latihan adalah selaras dengan cadangan dalam Agenda 21.

Pendidikan alam sekitar yang formal dan tidak formal yang menyeluruh dan strategi latihan serta program penyebaran maklumat akan dirumus dan diperkenalkan.

Alam sekitar dan pembangunan akan diintegrasikan ke dalam aktiviti pendidikan dari peringkat sekolah hingga pendidikan tinggi.

Bagi mencapai maksud ini, kaedah dan bahan yang sesuai akan diwujudkan untuk program pendidikan alam sekitar. Pusat kecemerlangan kebangsaan akan didirikan untuk penyelidikan dan pendidikan antara disiplin dalam bidang alam sekitar dan pembangunan dengan tujuan memperkukuhkan keupayaan negara dalam bidang berkaitan.

Kurikulum pendidikan di semua peringkat akan dikaji semula untuk memastikan pendekatan pelbagai disiplin dalam isu alam sekitar dan pembangunan. Aktiviti pendidikan tidak formal akan digalakkan pada peringkat tempatan dan kebangsaan. Aktiviti ini akan melibatkan secara langsung kumpulan sokongan sosial dan mengiktiraf peranan penting yang dimainkan unit keluarga dalam menyemai sikap positif terhadap alam sekitar.

Selain itu, perkhidmatan maklumat untuk orang awam tentang alam sekitar dan pembangunan akan disediakan merangkumi penggunaan teknologi maklumat, multimedia dan lain-lain kaedah pandang dengar.

Forum awam dan ilmiah membincangkan isu alam sekitar dan pembangunan akan digalakkan. Aktiviti seni dan kebudayaan yang mengandungi mesej positif tentang alam sekitar dan pembangunan akan digalakkan. Peranan media dalam menyebarkan maklumat alam sekitar akan dipergiatkan. Bidang kewartawanan alam sekitar khususnya dan persatuan wartawan alam sekitar akan diberi pengiktirafan bertujuan mempertingkatkan kualiti laporan maklumat alam sekitar.

Kerjasama dengan media, industri hiburan dan pengiklanan akan digalakkan untuk mengemblend pengalaman mereka ke arah membentuk tingkah laku dan pola penggunaan orang awam. Isu alam sekitar dan pembangunan akan diintegrasikan ke dalam aktiviti pertubuhan termasuk persatuan profesional, kesatuan



Alam sekitar yang indah, damai menyenangkan rasa

sekerja dan pertubuhan majikan. Penyebaran maklumat dan latihan akan diperkembangkan merangkumi pembuat keputusan di antara pekerja dan majikan. Program latihan tenaga manusia akan direkabentuk untuk membolehkan pelatih menangani masalah alam sekitar dan pembangunan.

### Pengurusan Berkesan

Langkah yang perlu diambil untuk melindungi dan memulihara alam sekitar dan sumber asli bagi memenuhi keperluan dan aspirasi negara, khususnya berkaitan dengan keupayaan pengeluaran sumber seperti tanah, hutan, kepelbagaian biologi dan air. Inventori dan audit kebangsaan mengenai alam sekitar dan sumber asli akan diselenggara dan dikemaskini secara berterusan dengan menekankan kepada hakisan dan penggantian sumber adalah sebagai panduan dalam merumus dasar dan membuat keputusan.

Sistem Pengawasan alam sekitar yang sesuai akan diwujudkan untuk membolehkan serta memudahkan penilaian terhadap kesan projek dan program pembangunan kepada alam sekitar dan kesihatan.

Kawasan sumber asli, khususnya yang mengandungi ekosistem dan habitat yang kaya dengan unsur-unsur hayat akan diwujudkan dan dikekalkan sebagai zon bagi pemuliharaan serta perlindungan flora dan fauna asli serta sumber genetik.

Selain itu, hutan merupakan khazanah yang perlu diurus secara lestari untuk menghasilkan faedah ekonomi

yang berterusan dan lestari serta keserasian dengan kestabilan alam sekitar dengan keseimbangan ekologi dan kestabilan sosial masyarakat yang mendiaminya.

### Perancangan Bersepadu

Pertimbangan alam sekitar perlu diintegrasikan ke dalam semua peringkat pembangunan, perancangan dan pelaksanaan program serta segala aspek penggubalan dasar. *Input* alam sekitar akan digabungkan ke dalam aktiviti perancangan pembangunan ekonomi, termasuk pelan wilayah, pelan induk, pelan struktur serta pelan tempatan.

Ini adalah usaha yang bersungguh-sungguh untuk memastikan semua cadangan penggunaan dan pembangunan sumber akan menggabungkan dimensi alam sekitar di peringkat perancangan.

Namun begitu, dalam menilai daya maju projek pembangunan atau perubahan yang dicadangkan bagi penggunaan sumber asli, nilai ekonomi yang menggambarkan kos serta faedah alam sekitar dan sosial seharusnya diambil kira. Pertimbangan alam sekitar akan diintegrasikan ke dalam dasar, program, pelan dan pembentukan projek di samping pelaksanaan melalui proses penilaian yang menyeluruh dengan mengambil kira kesan sosial, ekologi dan kesihatan.

### Pencegahan Dan Kawalan

Pencemaran dan kesan negatif lain kepada alam sekitar disebabkan oleh aktiviti pembangunan akan dikurangkan.

Pengawasan kualiti alam sekitar melalui program pemantauan dan sistem audit alam sekitar akan dikembangkan dan dikukuhkan untuk menyokong program penguatkuasaan, perancangan dan pengezonan serta membolehkan penilaian keadaan alam sekitar dibuat secara menyeluruh dan berterusan. Namun begitu, industri akan digalakkan untuk menggubal dasar yang menghasilkan kegiatan dan produk yang mempunyai kesan yang sedikit ke atas alam sekitar.

Sehubungan itu, satu pendekatan bersepadu terhadap pencegahan dan kawalan pencemaran yang akan diamalkan melalui penerapan yang sesuai serta penggabungan langkah memilih, mencegah dan berwaspada; kawalan di peringkat punca bagi semua pelepasan pencemaran utama ke udara, tanah dan air; penggunaan kaedah terbaik yang boleh diamalkan untuk mengurangkan pencemaran dan menggalakkan teknologi pengeluaran lebih bersih; dan penerapan Prinsip Pencemar-Membayar dan lain-lain galakan tekno-ekonomi dan penghalang yang sesuai.


Industri digalakkan untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan teknologi mesra alam serta Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) bagi meningkatkan pengeluaran produk dan perkhidmatan. Justeru, keutamaan akan diberikan kepada pemindahan teknologi dan penyelidikan serta projek pembangunan dalam bidang teknologi alam sekitar untuk menggalakkan inovasi teknikal dan saingan peringkat kebangsaan dalam bidang-bidang penting seperti pengurangan sisa, kitarsemula, pemerolesan kembali, pengolahan dan pelupusan yang selamat, kaedah baru dalam menangani pencemaran dalam bidang-bidang yang diberi keutamaan dan pembangunan langkah-langkah kawalan untuk mencegah dan mengurangkan pencemaran.

### Pengukuhan Mekanisme Pentadbiran

Kerjasama dan penyelarasan yang bersepadu dan berkesan di kalangan sektor awam dan swasta akan dapat dipertingkatkan bagi mencapai pengurusan dan perlindungan alam sekitar yang cekap.

Segala mekanisme membentuk dasar dalam kerajaan bagi menangani isu

Malaysia akan memainkan peranan aktif dalam mewujudkan perjanjian dan inisiatif serantau; menggalakkan pemindahan teknologi mesra alam dan meningkatkan keupayaan pengu- rusan alam sekitar.



Tanah, air dan udara yang terjaga memberi manfaat kepada semua makhluk

berkaitan alam sekitar dan pembangunan akan diperkemas dan diselaraskan untuk memperolehi pelaksanaan, penga- wasan dan maklum-balas yang berkesan dan cekap. Perundangan dan piawai berkaitan alam sekitar akan sentiasa disemak dan dikaji untuk memastikan keberkesanan dan penyelarasan berte- raskan undang-undang melalui penguat- kuasa.

Selain itu, kementerian dan agensi kerajaan digalakkan mengadakan me- kanisme bagi memastikan pertimbangan alam sekitar diintegrasikan ke dalam projek dan aktiviti pembangunan. Ke- upayaan pengurusan dan teknikal kera- jaan Persekutuan, Negeri dan pihak berkuasa tempatan akan diperkukuhkan untuk membolehkan pelaksanaan berkesan undang-undang dan peraturan alam sekitar iaitu di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Perundangan alam sekitar juga alat undang-undang yang digunakan bagi pengawalan alam sekitar daripada dicemari, mengalami kemerosotan ataupun dicemari semula. Oleh itu, kerjasama daripada pertubuhan rakyat, media, sektor swasta, badan profesional dan awam amat perlu untuk melaksa- nakan piawai alam sekitar, menyebarkan maklumat dan menyemai sikap bertang- gungjawab.

#### Pendekatan Proaktif

Malaysia akan bekerjasama secara aktif dengan negara lain terutama sekali negara ASEAN dan pertubuhan serantau dan antarabangsa mengenai kepentingan alam sekitar sejagat. Namun begitu, Malaysia akan terus bekerjasama sepenuhnya dengan negara jiran ber- kenaan isu alam sekitar yang merentasi sempadan. Malaysia akan mengambil langkah praktikal untuk mengurangkan pencemaran merentasi sempadan.

Selain itu, Malaysia akan menga- wasi, memaklumkan dan memberi amaran kepada negara jirannya tentang kemalangan industri atau bencana alam yang akan menimbulkan kesan alam sekitar yang merentasi sempadan.

Malaysia juga akan mengambil pendekatan positif dalam menangani isu alam sekitar sejagat seperti penipisan lapisan ozon, perubahan iklim, pence- maran merentasi sempadan, pengurusan kimia berbahaya dan buangan toksid, pemuliharaan sumber biologi dan per- dagangan spesies yang diancam kepu- suan.

Selain itu juga, Malaysia akan memainkan peranan aktif dalam mewujudkan perjanjian dan inisiatif serantau; menggalakkan pemindahan teknologi mesra alam dan meningkatkan keupayaan pengurusan alam sekitar.

Oleh itu, pada peringkat kebang- saan Malaysia akan menghormati obligasi Agenda 21 dan akan menyokong pelaksanaannya di peringkat kerjasama antarabangsa.

#### Rumusan Dan Pelan Tindakan

Pelan tindakan yang mempunyai sokongan sumber mencukupi untuk pelaksanaannya akan dibentuk. Namun begitu, pelaksanaan dasar ini dan strateginya akan diawasi dan dikaji semula oleh Majlis Pembangunan Negara.

Kesimpulannya, Dasar Alam Sekitar Negara adalah dasar yang penting kepada Malaysia untuk mencapai sebuah negara maju dalam menuju Wawasan 2020. Pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar yang bersepadu perlu dilaksanakan dalam konteks pem- bangunan lestari. Pembangunan lestari juga merupakan suatu proses membuat keputusan bersama bagi memastikan bahawa aktiviti ekonomi, kebajikan manusia (termasuk kesihatan) dan ekosistem sama-sama diberi pertim- bangan bagi memastikan generasi kini dan akan datang dapat memenuhi keperluannya secara berterusan. Pem- bangunan lestari adalah program yang dirancang dalam Agenda 21 pada Persidangan PBB tentang Alam Sekitar (UNCED) di Rio de Janeiro (1992). Namun begitu, persidangan bumi ini yang diadakan sepuluh tahun sekali adalah untuk mencapai objektif yang dirancang untuk menunjukkan kemam- puan strategi yang dilaksanakan dan membuktikan keberkesannya. Justeru, pemuliharaan dan penjagaan alam sekitar amat perlu untuk generasi yang akan datang dapat menikmatinya.